



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 54
No. 14

21hb Julai 2010

*TAMBAHAN No. 75
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 239.

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU
(PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2010**.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U. (A) 324/2004], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

- (a) dalam takrif “harga jualan runcit”, dengan menggantikan perkataan “diisyiharkan oleh pengilang atau pengimport kepada” dengan perkataan “diluluskan oleh”; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “teater” takrif yang berikut:

‘“tempat kerja” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514];’.

Pindaan peraturan 8A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 8A dengan peraturan yang berikut:

“Harga jualan runcit bagi hasil tembakau

8A. (1) Tiap-tiap pengilang atau pengimport hasil tembakau hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah mengenai—

- (a) harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau, dalam masa empat belas hari selepas tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini; dan
- (b) harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau yang diperkenalkan selepas tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini,

Dengan syarat, hasil tembakau yang disebut dalam perenggan (b) hendaklah termasuk apa-apa hasil tembakau yang diperkenalkan di pasaran domestik dengan suatu jenama baru atau dengan menggunakan suatu sebatian atau rumusan baru dalam penghasilannya atau reka bentuk rokok baru, tetapi tidak termasuk suatu perubahan dari segi reka bentuk atau dimensi pembungkusannya atau perubahan dalam perkataan, perihalan atau maklumat atau reka bentuk imej, grafik, logo, warna atau angka pada label atau bilangan batang rokok.

(2) Pengilang atau pengimport itu hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pengarah pada tiap-tiap kali berlakunya suatu perubahan kepada harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau yang disebut dalam subperaturan (1) disebabkan oleh hal keadaan yang berikut:

- (a) apa-apa kenaikan harga jualan runcit suatu hasil tembakau; atau
- (b) apa-apa pelarasan penurunan harga jualan runcit suatu hasil tembakau.

(3) Pengarah boleh, apabila permohonan dibuat dengan sewajarnya mengikut subperaturan (1) atau (2), meluluskan atau enggan meluluskan permohonan itu dan jika Pengarah enggan memberikan kelulusan, beliau hendaklah memberitahu pengilang atau pengimport itu secara bertulis mengenai keengganannya.

(4) Tiap-tiap harga jualan runcit yang diluluskan oleh Pengarah di bawah peraturan ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh kelulusan itu.

(5) Pelarasan penurunan harga jualan runcit suatu hasil tembakau yang disebut dalam perenggan (2)(b) adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) tiap-tiap pengilang atau pengimport tidak boleh menjalankan pelarasan itu lebih daripada tiga kali dalam suatu tahun kalendar;
- (b) suatu pelarasan tidak boleh dijalankan lebih daripada tiga puluh hari dalam satu pelarasan; dan
- (c) perbezaan antara harga jualan runcit yang dilaraskan di bawah perenggan (2)(b) dengan harga jualan runcit sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1) atau perenggan (2)(a), hendaklah tidak melebihi lima peratus.

(6) Mana-mana pengilang atau pengimport yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan subperaturan 9(2)

4. Subperaturan 9(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tahun” perkataan “atau kedua-duanya.”.

Pindaan peraturan 11

5. Peraturan 11 dalam Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (1)—

- (a) dalam perenggan (s), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (t), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (t) perenggan yang berikut:
“(u) di dalam mana-mana tempat kerja berhawa dingin dengan suatu sistem hawa dingin berpusat.”.

Pindaan subperaturan 15(1)

6. Subperaturan 15(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan semasa apa-apa perdagangan atau perniagaan”; dan

- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan semasa apa-apa perdagangan atau perniagaan”.

Kecualian

7. Perenggan 8A(1)(a) Peraturan-Peraturan ini hendaklah tidak terpakai kepada mana-mana pengilang atau pengimport hasil tembakau yang telah mengisytihar harga jualan runcit apa-apa hasil tembakau mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) (No. 2) 2009 [P.U. (A) 447/2009] sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 20 Julai 2010
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Control of Tobacco Product (Amendment) Regulations 2010**.

Amendment of regulation 2

2. The Control of Tobacco Product Regulations 2004 [P.U. (A) 324/2004], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

- (a) in the definition of “retail selling price”, by substituting for the words “declared by the manufacturer or importer” the words “approved by”; and

(b) by inserting after the definition of “theatre” the following definition:

‘“place of work” has the same meaning assigned to it under section 3 of the Occupation Safety and Health Act 1994 [Act 514];’.

Amendment of regulation 8A

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 8A the following regulation:

“Retail selling price of tobacco product

8A. (1) Every manufacturer or importer of a tobacco product shall submit an application in writing to the Director on—

- (a) the retail selling price of any tobacco product, within fourteen days after the date of coming into operation of these Regulations; and
- (b) the retail selling price of any tobacco product introduced after the date of coming into operation of these Regulations,

Provided that, the tobacco product referred to in paragraph (b) shall include any tobacco product which is introduced in domestic trade under a new brand name or using a new blend or formulation in its production or a new cigarette design, but does not include a change in the design or dimension of its packaging or change in wording, description or information or image, graphic, logo, colour or numerical design of the label or number of stick.

(2) The manufacturer or importer shall submit an application in writing to the Director every time there is a change to the retail selling price of any tobacco product referred to in subregulation (1) due to the following circumstances:

- (a) any increase in the retail selling price of the tobacco product; or
- (b) any downward adjustment of the retail selling price of the tobacco product.

(3) The Director shall, on application having been duly made in accordance with subregulations (1) or (2), approve or refuse to approve the application and where the Director refuses to grant his approval, he shall notify the manufacturer or importer in writing of his refusal.

(4) Every retail selling price approved by the Director under this regulation shall take effect from the date of such approval.

(5) The downward adjustment of the retail selling price of the tobacco product referred to in paragraph (2)(b) shall be subject to the following conditions:

- (a) every manufacturer or importer cannot conduct such adjustment more than three times in a calendar year;
- (b) an adjustment cannot be conducted more than thirty days in one adjustment; and
- (c) the difference between the adjusted retail selling price under paragraph (2)(b) and the retail selling price as referred to in subregulation (1) or paragraph (2)(a), shall not be more than five percents.

(6) Any manufacturer or importer who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

Amendment of subregulation 9(2)

4. Subregulation 9(2) of the principal Regulations is amended by inserting after the word “years” the words “or to both.”.

Amendment of regulation 11

5. Regulation 11 of the principal Regulations is amended in subregulation (1)—

- (a) in paragraph (s), by deleting the word “or” at the end of that paragraph;
- (b) in paragraph (t), by substituting for the full stop the word “; or”; and
- (c) by inserting after paragraph (t) the following paragraph:
 - “(u) in any air conditioned place of work with a centralized air conditioned system.”.

Amendment of subregulation 15(1)

6. Subregulation 15(1) of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraph (a), by deleting the words “supplied or offered to be supplied in the course of any trade or business”; and
- (b) in paragraph (b), by deleting the words “supplied or offered to be supplied in the course of any trade or business”.

Saving

7. Paragraph 8A(1)(a) of these Regulations shall not apply to any manufacturer or importer of tobacco product who had declared the retail selling price of any tobacco product in accordance with the Control of Tobacco Product (Amendment) (No. 2) Regulations 2009 [P.U. (A) 447/2009] before the date of coming into operation of these Regulations.

Made 20 July 2010
[K.K.(S) 280/5/7; PN(PU²)418/XV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA